



# PERSATUAN PEGUAM SYARIE Malaysia

- Home
- Gambar PGSM
- Matlamat PGSM & Bagaimana Menjadi ahli
- Tentang PGSM & Kepimpinan
- Hubungi Kami

## Memorandum Kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin ibni AlMarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Al-Haj

Oct 30th, 2009 | By [webmaster](#) | Category: [Aktiviti PGSM](#), [Utama](#)

**Bertarikh 12 Oktober 2009.**

Diserahkan oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM)

Memorandum bagi pihak majoriti umat Islam Malaysia ini dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong [Sultan Mizan Zainal Abidin ibni AlMarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Al-Haj](#) supaya menarik balik pelantikan Dr Mohd Asri Zainal Abidin (Dr Asri) sebagai Yang Di Pertua YADIM.

Alasan Memorandum ini ialah antara lainnya :-

1. NGO-NGO Islam arus perdana yang terlibat dengan Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) kelolaan YADIM sentiasa bekerjasama di dalam menegakkan dakwah Islamiyah di Malaysia. Hanya beberapa NGO kecil sahaja yang dapat menerima idea bahtera perubahan yang cuba dibawa oleh Dr Asri yang seringkali tidak seiring pandangannya dengan sebahagian besar ulamak dan NGO-NGO Islam arus perdana. Kerajaan sepatutnya menghormati kerjasama MAIM di bawah naungan YADIM yang telah dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong. Pelantikan Dr. Asri hanya akan memutuskan tali silaturrahim yang terjalin dan MAIM akan pincang sekiranya Dr Asri menerajui

TARIKH HARI INI



WAKTU SEKARANG

Kalendar

October 2009

YADIM.

M T W T F S S

« Sep

1 2 3 4

5 6 7 8 9 10 11

12 13 14 15 16 17 18

19 20 21 22 23 24 25

26 27 28 29 30 31

2. Dr Asri yang terpengaruh dengan pandangan dan pendekatan ulamak tertentu juga seringkali bertentangan pandangan dengan para ulamak dan Mufti-Mufti negeri lain. Dalam berhadapan dengan perbezaan pendapat ini, Dr Asri telah mengambil pendekatan berkonfrantasi secara terbuka tanpa menitik beratkan soal adab dan kemaslahatan umat Islam keseluruhannya. Semasa menjawat jawatan Mufti Kerajaan Negeri Perlis beliau kerap kali membelakangkan pandangan Jawatankuasa Mufti peringkat Kebangsaan dan sentiasa lari dari berdialog secara tertutup dan beradab, sebaliknya mencari populariti di media. Keadaan ini akan menyukarkan YADIM dan MAIM untuk bergerak sekiranya tiada hubungan erat dengan Mufti-Mufti.

3. Dr Asri mendakwa dirinya dan pengikut-pengikutnya sebagai ahlu-sunnah tetapi mereka menolak dan tidak mengiktiraf kebanyakan ulamak dan umat Islam lain yang di luar dari lingkungan pengikutnya. Beliau juga tidak mengiktiraf iktikad ahli sunnah wal jamaah dari mazhab-mazhab fiqh seperti Mazhab Shafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali bahkan dalam keadaan tertentu menolak hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari.

4. Pendekatan Dr Asri dan para pengikutnya telah mencetuskan berbagai perbalahan di kalangan umat Islam apabila mengkritik berbagai amalan umat Islam di Malaysia kononnya ia tidak mengikut sunnah seperti amalan membaca Yaa Sin pada malam Juma'at, amalan bertalqin, tahlil, doa selamat, seolat hajat, wirid selepas solat. Beliau juga mencerca para ulamak besar seperti Imam Nawawi dan Imam Ghazali yang tidak perlu disebut kehebatan dan keilmuan mereka. Bahkan akibat dan malapetaka yang bakal timbul dari pendekatannya ini amatlah besar sebagaimana yang sedang berlaku di beberapa buah negara Islam. Malapetaka ini sewajarnya dibendung dan bukan disemarakkan lagi.

5. Akibat dari pendekatan ekstrem Dr.Asri dan pengikutnya ini kebanyakan Majlis Agama Islam Negeri-negeri telah menyekat kegiatan pengajian yang dijalankan oleh mereka. Malah beberapa guru agama dan penceramah yang sealign dengan mereka sedang menghadapi pertuduhan di mahkamah Syariah kerana mengajar tanpa tauliah. Antaranya Dr. Abdullah Yasin yang menghadapi beberapa kes di negeri Selangor.

6. Dr Asri hingga kini mempertikaikan undang-undang jenayah Syariah negara serta mentafsirkannya tidak mengikut peruntukan undang-undang dan hukum syarak yang diterima para Ulama dan masyarakat Islam. Dengan melantik seorang yang berpandangan dan pendekatan seperti ini, ia akan menyapakan keyakinan dan kepercayaan umat Islam bukan sahaja kepada YADIM malah kepada kerajaan keseluruhannya atas kegagalan memelihara ajaran dan amalan Islam yang dipegang selama ini.

7. Pendekatan ekstrem Dr.Asri telah mengundang pelbagai akibat dan keresahan di kalangan umat Islam di seluruh Negara khususnya di negeri Perlis. Imam-imam di Perlis yang tidak mendokong aliran Dr Asri telah diketepikan malah baru-baru ini mereka telah ditukarkan atas alasan yang sama (berita-berita sebegini telah tersiar di dalam akhbar-akhbar utama negara). Cercaan beliau dan pengikutnya kepada amalan solat hajat kononnya ia satu bentuk maksiat dalam masjid telah mengundang perbalahan

Kategori

Aktiviti PGSM

- o Arkib
- o Artikel
- o Berita
- o Kenyataan Media
- o Kes-Kes Mahkamah Syariah
- o Peguam Menulis
- o Soal Jawab Hak Muslim
- o Utama

Terkini

- o Memorandum Kepada Yang di-Pertuan

dan beberapa kejadian pergaduhan.

8. Sebagai seorang yang terlalu muda serta gagal menghayati budaya adab sopan umat Islam di Malaysia, Dr Asri lebih banyak mengundang kontroversi dan merupakan seorang yang keras, ekstrem serta tidak dapat menerima teguran, pandangan dan kritikan orang lain. Majlis-Majlis Agama Islam Negeri-negeri lain selain Perlis, Tokoh-tokoh agama arus perdana termasuk semua para Mufti Negeri-negeri (kecuali Perlis) serta tokoh-tokoh seperti Prof.Datuk Dr.Ismail Ibrahim, Tan Sri Syeikh Ghazali b Abd Rahman bekas Ketua Pengarah JKSM, Dato' Hashim b.Yahya bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Dato' Nooh Gadot dan ramai lagi amat tidak senang dengan pendekatan dan pendirian sebegini.

9. Penolakan oleh sebahagian besar tokoh agama dan umat Islam terhadap pemikiran dan pendekatan beliau dalam amalan agama adalah kelemahan besar Dr.Asri dan amat tidak sesuai untuk menerajui sebuah agensi dakwah yang ditunjangi oleh Kerajaan Malaysia. Peribadi yang lebih berhemah dan memahami manhaj dan metodologi dakwah di Malaysia adalah lebih wajar menerajui YADIM. Terdapat ramai lagi tokoh lain yang tidak kontroversi yang datang dari golongan Muslim arus perdana yang boleh dilantik menerajui YADIM dan diterima oleh masyarakat Islam arus perdana.

10. Dr Asri bukan sahaja ditolak oleh majoriti penyokong UMNO, malah beliau juga tidak disenangi oleh penyokong PAS yang merupakan 2 parti umat Islam terbesar. Hanya segelintir dari masyarakat Islam yang berpendirian ekstrem dalam hal furu' atau perkara cabang yang gembira dengan pemikiran dan pendekatan beliau. Kami bimbang Kerajaan Persekutuan akan disisihkan oleh umat Islam dalam kegiatan keagamaan dan amalan keagamaan yang seragam dan telah sebat di seluruh Negara tidak lagi menjadi arus perdana di masa akan datang, manakala Pihak Berkuasa Agama Negeri mengambil pendekatan berbeza dari Kerajaan Persekutuan.

Diserahkan oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM)

Ditandatangani oleh:

Mohamad Isa bin Abd Ralip  
Presiden PGSM  
Bertarikh 12 Oktober, 2009

Badan-Badan Bukan Kerajaan Yang Menyokong Memorandum ini –

1. Persatuan Pegawai-Pegawai Syariah Malaysia

[Agong Sultan Mizan Zainal Abidin ibni](#)

[AlMarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah](#)

[Shah Al-Haj](#)

[AJARAN SESAT KAHAR AHMAD](#)

o [Hak Muslim- Hibah](#)

o [Hak Muslim-Kuasa Rujuk](#)

o [JAMUAN AIDILFITRI PGSM 1430H](#)

---

**Arkib**

---

o [October 2009](#)

o [September 2009](#)

o [August 2009](#)

o [July 2009](#)

o [June 2009](#)

o [May 2009](#)

o [April 2009](#)

o [March 2009](#)

o [February 2009](#)

o [January 2009](#)

o [December 2008](#)

o [November 2008](#)

o [October 2008](#)

- |     |   |                                  |
|-----|---|----------------------------------|
| 2.  | Yayasan Sofa Negeri Sembilan                        | o <a href="#">September 2008</a> |
| 3.  | Yayasan Jenderami                                   |                                  |
| 4.  | Pertubuhan Muafakat Masyarakat Sejahtera (MUAFAKAT) | o <a href="#">August 2008</a>    |
| 5.  | Persatuan Peguam Syarie Malaysia                    |                                  |
| 6.  | Persatuan Peguam Muslim Malaysia                    | o <a href="#">July 2008</a>      |
| 7.  | Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)                |                                  |
| 8.  | Persatuan Alumni Kolej Islam (ALKIS)                | o <a href="#">June 2008</a>      |
| 9.  | Jemaah Islah malaysia (JIM)                         | o <a href="#">May 2008</a>       |
| 10. | Persatuan Ulamak Malaysia                           |                                  |
| 11. | Yayasan Paksi Kedah                                 | o <a href="#">April 2008</a>     |
| 12. | Persatuan Ulamak Kedah                              |                                  |
| 13. | Teras Pengupayaan Melayu (TERAS)                    | o <a href="#">March 2008</a>     |
|     |   | o <a href="#">February 2008</a>  |
|     |   | o <a href="#">January 2008</a>   |
|     |   | o <a href="#">December 2007</a>  |

---

### Leave Comment

**Name (required)**

**Mail (will not be published) (required)**

**Website**

---

**Pautan**

- o [ABIM](#)
- o [Berita Harian](#)
- o [DARUSSYIFA](#)
- o [ISLAM ONLINE](#)
- o [ISMA](#)
- o [JAKESS](#)
- o [JIM](#)
- o [JKSM](#)
- o [JUALAN BUKU ONLINE](#)
- o [MALAYSIAN BAR](#)

[PERSATUAN PENGGUNA](#)

[QARDHAWI](#)

[Utusan Malaysia](#)

[Wordpress Themes](#)

---

[PELAWAT YANG KE](#)

---

**114131**

Buy Digital Cameras

© 2009 PERSATUAN PEGUAM SYARIE MALAYSIA (PGSM) | Powered by WordPress | BranfordMagazine theme by Michael Oeser. Based

on Mimbo and Revolution

Log in | 24 queries. 0.398 seconds.